



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 JLD.9 / (15)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: [secretary@ljt.org.my](mailto:secretary@ljt.org.my)

laman web: [www.ljt.org.my](http://www.ljt.org.my)

**3** Ogos 2016

**Semua Juruukur Tanah Berlesen**

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

## **PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2016**

**"PINDAAN KEPADA PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2015"**

### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan meminda perkara 3, Pekeliling Lembaga Jurukur Tanah Bilangan 1 Tahun 2015 bertarikh 15 Julai 2015 berkenaan prosedur pembayaran kerja ukur hakmilik strata selaras dengan pelaksanaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta A1450].

### **2. LATAR BELAKANG**

2.1 Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] telah dipinda melalui Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta A1450] yang berkuat kuasa pemakaiannya mulai 1 Jun 2015.

- 2.2 Selaras dengan itu, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) telah mengeluarkan Pekeliling LJT Bilangan 1 Tahun 2015 bagi meminda pekeliling sedia ada berhubung dengan prosedur pembayaran yang bersesuaian mengikut akta tersebut.
- 2.3 Sejak Pekeliling Lembaga Jurukur Tanah Malaysia Bilangan 1 Tahun 2015 berkuatkuasa mulai 15 Julai 2015, LJT banyak menerima rungutan daripada Juruukur Tanah Berlesen (JTB) berhubung dengan prosedur pembayaran sepertimana yang terdapat di bawah perkara 3 pekeliling berkenaan. Ini adalah kerana, skop kerja yang perlu dijalankan oleh JTB di peringkat awalan sebelum sesuatu permohonan dapat dikemukakan untuk kelulusan telah pun bertambah. Di antara pertambahan tugas dan aktiviti kerja yang perlu dijalankan mengikut prosedur baru di bawah Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 serta perkara-perkara baru lain yang berkaitan adalah seperti berikut :-
- 2.3.1 Penyediaan Jadual Petak melibatkan kerja-kerja mengenalpasti petak-petak, petak-petak aksesori dan harta bersama serta berbincang dengan pihak pengurusan projek untuk mencari jalan penyelesaian bagi petak-petak dan petak-petak aksesori yang bermasalah. Kerja-kerja tersebut dan pengiraan unit syer bagi setiap petak mengambil masa dan membebankan JTB;
- 2.3.3 Penyediaan enam (6) set jadual petak dan pelan bangunan beserta dokumen lain yang perlu dihantar kepada COB untuk pemfailan Jadual Petak;
- 2.3.4 JTB perlu menunggu sehingga beberapa tahun sebelum boleh mengemukakan permohonan Sijil Cadangan Pelan Strata (CPSP) setelah perkara-perkara yang dinyatakan di atas diselesaikan;

2.3.5 JTB perlu mendapatkan nombor Pelan Akui (PA) dan membuat ukuran semula sempadan lot terlebih dahulu. Borang 10 dan dokumen-dokumen berkaitan bagi permohonan CPSP hanya boleh dipanjangkan selepas PA dikemukakan serta mendapat kelulusan Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (PUPN); dan

2.3.6 Pengemukakan Pelan Akui Bangunan (PA(B)) kepada JUPEM Negeri hanya boleh dibuat oleh JTB setelah CPSP dikeluarkan oleh Pengarah Ukur JUPEM Negeri. Kelulusan PA(B) oleh PUPN akan dibuat setelah Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTGN) meluluskan permohonan pecah bahagi bangunan / tanah.

2.4 Sehubungan itu, prosedur pembayaran telah disemak semula untuk meringankan bebanan JTB dalam mengendalikan kerja-kerja berkenaan dan untuk menyesuaikan dengan keadaan sebenar pekerjaan yang dialami oleh JTB.

### **3. PINDAAN PROSEDUR PEMBAYARAN**

Prosedur pembayaran di bawah perkara 3, Pekeliling Lembaga Jurukur Malaysia Bilangan 1 Tahun 2015 adalah dengan ini dipinda seperti berikut :

3.1 Bayaran 10% tanpa had maksimum akan dibuat selepas fi ukur didepositkan kepada LJT.

3.2 Bayaran kemajuan 10% berikutnya akan dibuat oleh LJT selepas JTB membuat pemfailan SIFUS dan Jadual Petak kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB) dengan mengemukakan bukti penerimaan oleh COB ke atas surat / dokumen yang dihantar.

3.3 Bayaran ketiga sebanyak 40% akan dibuat selepas Sijil Cadangan Pelan Strata (CPSP) dikeluarkan oleh JUPEM Negeri di mana JTB dikehendaki mengemukakan borang tuntutan bersama salinan CPSP.

3.4 Baki bayaran sebanyak 38% akan dibuat setelah Pelan Akui (Strata) / PA(B) diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri.

#### 4. PELAKSANAAN

Pekeliling ini perlu digunakan bersama-sama Pekeliling Lembaga Jurukur Tanah Malaysia Bilangan 1 Tahun 2015 yang tidak terlibat dengan pindaan.


#### 5. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



(DATUK SR AHMAD FAUZI BIN NORDIN; *PMW, DPMT, DSAP, JSM, SMZ, KMN*)

Pengerusi  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

Salinan Kepada :

**Agihan Dalaman :**

Setiausaha  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

**Agihan Luaran :**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia  
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I  
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II  
Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)

Presiden  
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah  
Malaysia